

Penghayatan Akidah di Terengganu

Mohd Safri Ali
Mohd Fauzi Hamat

Abstrak

Artikel ini menampilkan tentang penghayatan `aqidah di negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu, penghayatan ini ditonjolkan menerusi tiga kumpulan utama dalam kelompok masyarakat Islam di negeri ini. Pertama ialah Sultan-sultan Terengganu didapati menghayati `aqidah Islam sama ada dalam kehidupan peribadi, keluarga ataupun urusan pentadbiran negeri. Menariknya, mereka berjaya mengimplementasikan syariah Islam sebagai undang-undang utama di negeri ini. Kedua ialah para ulama yang sentiasa membimbing para sultan untuk menghayati `aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah. Disebabkan khidmat mulia mereka dalam mengukuhkan `aqidah, ramai dalam kalangan mereka mendapat pangkat, penghormatan dan kedudukan di sisi sultan. Akhirnya, orang-orang awam di Terengganu terbukti patuh dan hormat kepada sultan dan ulama. Malah, apabila imperialis barat datang untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran di negeri Terengganu, mereka cuba menghentikan gangguan musuh itu dengan slogan jihad di jalan Allah. Usaha ini, membuktikan orang awam di Terengganu turut menghayati `aqidah Islam. Oleh hal yang demikian, kombinasi sultan, ulama dan orang awam di Terengganu telah dengan cantiknya menjelaskan mereka sebagai hamba-hamba Allah yang menghayati `aqidah Islam. Justeru, gelaran “Darul Iman” bagi negeri Terengganu amatlah tepat.

Abstract

This article is features the `aqidah practiced in the state of Terengganu. This is highlighted through three major groups within the Muslim community in Terengganu. Firstly, the sultan of Terengganu, has been found to practice the teachings of Islam both in his personal life. Interestingly, the sultan not only practiced the Islamic teachings in his life, but also he has also implemented sharia law as the supreme law in the state successfully. Secondly, the ulama in the state always guide the sultan to uphold the `aqidah of Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. Due to their noble service in strengthening the `aqidah, many of them received status, rank and honour from the sultan. Finally, the civilians in the state have prove to be obedient and respectful to the sultan and ulama. In fact, when the Western imperialists came to interfere in the state

affairs, they tried to stop the intervention of enemy under the slogan of jihad in Allah's way. That was a manifestation of `aqidah practice. As a result, the combination of the sultans, ulama and civilians have beautifully illustrated themselves to be servants of Allah in practicing the `aqidah. Therefore, the title state as 'Darul Iman', is an accurate one.

Keywords: Aqidah practicing; Sultan; Ulama; Ahl al-Sunnah wa Jama`ah; Terengganu.

Pendahuluan

Perkataan 'penghayatan' bermaksud perihal mengalami dan merasai secara batin serta meresapkannya ke dalam jiwa (Noresah 2002, 447). Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan perihal resapan akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu dengan membicarakan pendapat-pendapat atau peristiwa-peristiwa yang mempunyai kaitan dengannya.

Perbincangan yang berkait dengan pegangan akidah masyarakat Islam di sesuatu tempat lazimnya dikaitkan dengan kedatangan Islam ke tempat tersebut. Begitu juga halnya dengan Terengganu. Sebagaimana dicatatkan oleh Hooker (1977, 350-355), tarikh kedatangan Islam ke Terengganu pernah menjadi isu yang diperdebatkan. Ia berlanjutan sehinggalah penemuan prasasti Terengganu yang menjadi bukti kedatangan Islam di negeri itu, dapat dimuktamadkan tarikhnya sebagai 702H/1303M. Bagi Fatimi (1963, 60-69) tarikh ini berjaya memecah kebuntuan dan mengakhiri perdebatan tersebut.

Menurut Misbaha, prasasti tersebut turut membuktikan bahawa pemerintah dan penduduk di negeri Terengganu merupakan rumpun masyarakat yang terawal menghayati akidah Islam di Tanah Melayu (Misbaha 1960, 16; Timah Hamzah 1981, 6). Bahkan, prasasti itu membuktikan juga akidah Islam yang dihayati oleh masyarakat Islam di Terengganu tiada kaitan dengan Kesultanan Melaka yang menjadi pusat penyebaran akidah Islam di rantau ini (Clarke et.al. 1990, 127).

Selain itu, prasasti ini turut merekodkan sistem perundangan yang diamalkan menepati dengan sistem kehakiman Islam. Sekaligus, implementasi perundangan Islam ini menzahirkan nilai-nilai akidah Islam yang syumul dihayati di negeri Terengganu. Ini turut membuktikan pemerintah dan rakyat Terengganu menghayati Islam secara lengkap sehingga ke peringkat implementasi syariat Islam sebagai perundangan negeri. Sebagai contohnya, bagi kes kecurian, pencuri akan dipotong tangannya. Oleh kerana itu al-Maududi menyatakan, kombinasi pemerintah dan rakyat yang mengimplementasikan hukum syariat Islam cukup sebagai bukti sistem hidup sesebuah masyarakat itu benar-benar menepati akidah Islam sebagaimana dikehendaki Allah s.w.t. (al-Maududi t.th., 47-49). Menurut Abu al-Futuh (1986, xii-xiii) seseorang Muslim diwajibkan untuk meneguhkan akidahnya terlebih dahulu. Setelah itu, aspek-aspek amali seperti solat dan puasa pula diperteguhkan. Bagi sesebuah kerajaan, implementasi hukum-hukum Allah dalam pemerintahan merupakan puncak penghayatan ajaran Islam. Ini adalah disebabkan pada kebiasaannya, pemerintah di sesebuah negara lebih

gemar mencipta undang-undang sendiri untuk mentadbir negara. Namun, bagi pemerintah yang menghayati akidah Islam secara ikhlas, hal ini diabaikan kerana mengagung-agungkan Allah s.w.t. (Abu al-Futuh, 1986). Pelaksanaan perundangan Islam kerana mengagungkan Allah s.w.t. pernah dijelmakan oleh para sultan yang memerintah negeri Terengganu sebagaimana dicatatkan oleh prasastinya.

Shafei Abu Bakar menyatakan, struktur masyarakat yang yakin kepada akidah ditambah pula dengan terlaksananya sistem kehakiman Islam di Terengganu, maka lahirilah sebuah keluarga akidah kerana di sini lahirnya keluarga-keluarga yang menghayati akidah Islam sehingga membentuk sebuah masyarakat beriman dalam sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu sebagaimana diakui oleh Misbaha (1960, 16). Justeru, gelaran 'Darul Iman' amat persis bagi negeri ini (Shafei 1982, 19).

Bagi menjejaki penghayatan akidah Islam dengan lebih lanjut, rencana ini menyoroti penghayatan akidah dalam kalangan *umara* yang terdiri daripada sultan-sultan Terengganu dan para ulama. Penghayatan akidah ini dilakukan dengan menjejaki amalan, tindakan dan pemikiran kedua-dua golongan ini.

Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Sultan

Dalam perbincangan berikut, tumpuan akan diberikan kepada penghayatan akidah dalam kalangan beberapa orang Sultan Terengganu sahaja iaitu Sultan Zainal Abidin I (1708-1733), Baginda Omar (1839-1876) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Penghayatan akidah Islam lebih ketara ditekankan dan diamalkan di bawah pemerintahan ketiga-tiga sultan ini.

Menurut `Aun (1982, 37-44), akidah Islam merupakan pemangkin yang ampuh untuk membentuk rakyat yang soleh dan baik. Dalam hal ini, Sultan Zainal Abidin III merupakan contoh yang sesuai. Ini adalah kerana baginda amat berjasa dalam memastikan penghayatan akidah Islam dalam pentadbiran negeri Terengganu berlangsung. Hal ini berpunca daripada kecenderungan dan minat baginda untuk memahami dan beramal dengan ajaran Islam yang suci. Justeru, pada masa pemerintahan baginda, kebaikan dan keadilan melalui polisi-polisi yang diwujudkan amat menyerlah. Baginda juga merupakan sultan yang paling berjasa kepada negeri Terengganu kerana menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Terengganu dengan memasukkannya ke dalam perlembagaan negeri (Shaharil 1984, 25-28).

Meskipun begitu, fakta ini bukanlah menafikan kebaikan yang dicurahkan oleh sultan-sultan yang lain. Hakikatnya, menurut Muhammad Salleh (1983, 115), sultan-sultan yang lain berjaya meneruskan polisi yang sedia ada dengan melakukan sedikit rombakan demi kebaikan pentadbiran negeri. Sebagai contohnya, Sultan Zainal Abidin I telah mengasaskan hukum-hukum syarak. Kemudian, hukum-hukum itu terus dilaksanakan oleh Baginda Omar seperti hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sultan yang terlibat dalam kancan peperangan yang panjang. Hal ini diakui oleh Abdullah Zakaria (1996, 26) yang menyatakan Sultan Mansur Syah I (1733-1794) merupakan seorang sultan yang banyak terlibat dengan peperangan. Bahkan, baginda pernah berperang selama 14 tahun (1746-1760) kerana memperjuangkan hak orang Melayu di Riau. Hal

ini menyebabkan catatan mengenai penghayatan akidah kurang dizahirkan. Bahkan, terdapat sultan yang memerintah dalam masa yang singkat sehingga penghayatan akidah sekadar terpancar melalui usaha-usaha dan perlanjutan yang dilakukan oleh sultan-sultan sebelumnya. Sebagai contohnya Sultan Daud Sultan Terengganu yang keenam hanya sempat bertakhta selama sebulan sahaja (Muhammad Salleh 1983, 164).

Berhubung dengan takhta salasilah raja Terengganu, Muhammad Yusoff (1991, 5) menyatakan, takhta ini terbentuk sekian lama. Namun fakta-fakta berkaitan dengan penghayatan akidah Islam ditemui dalam kalangan beberapa orang sultan yang bertakhta sehingga tahun 1900 sahaja. Ini disebabkan selepas daripada tahun 1900, kolonial Inggeris mulai mencampuri urusan pentadbiran negeri. Sekaligus, pengaruh sekularisme diterapkan dan dominasi akidah yang menjadi paksi pentadbiran Terengganu dipinggirkan. Malahan, Syamsul A.B. (2005, 113-115) menyatakan urusan akidah Islam hanya diserlahkan dalam bentuk birokratik.

Urusan akidah keislaman dibatasi dalam urusan perkahwinan dan perceraian, pembahagian harta pusaka dan pengurusan wakaf sahaja (Mohamad 2000, 43; Milner 1983, 49).

Serentak dengan itu jua, apabila penghayatan akidah melalui kuasa sultan berubah, pengaruhnya dalam kalangan rakyat turut berubah. Justeru, pandangan al-Fattani (2008, 90) yang menyatakan 'Budaya rakyat berdasarkan Raja' ada logiknya, sebagaimana dicatatkan oleh beliau seperti mana berikut:

Menurut cerita ahli sejarah. Pada zaman Hajjaj, manusia pagi-pagi lagi bertanya siapa yang kena bunuh malam tadi, siapa yang kena sula, siapa yang kena pukul dan sebagainya. Dan zaman al-Walid beliau sukakan kebun dan rumah, maka sekalian manusia di zaman itu pagi-pagi lagi bertanya tentang kerja rumah, siapa yang berbuat kebun, siapa yang memilih ke sungai dan siapa yang menanam pokok kayu. Di zaman Khalifah Sulayman bin 'Abd al-Malik pula, beliau suka makan makanan dan berkahwin. Manusia pada masa itu bertanya khabar mengenai makanan yang indah-indah yang baik-baik, memahalkan mas kahwin, meninggikan harga hamba sahaya dan memperbanyakkan tempat kediaman mereka sambil berceritakan hal demikian. Di zaman Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz pula sekalian manusia bertanya sesama mereka, berapa engkau hafaz al-Qur'an, berapa engkau hafaz wirid tiap-tiap malam dan berapa pula si polan hafaz kitab dan berapa ia membaca al-Qur'an dalam sehari dan berapa puasa dalam sebulan dan beberapa yang lain.

Kenyataan di atas menunjukkan, sultan banyak mempengaruhi sikap rakyatnya. Tradisi meneladani tindakan sultan merupakan suatu realiti dalam masyarakat Melayu. Tradisi ini secocok dengan ajaran Islam, malahan, kombinasi ungkapan Melayu 'raja sebagai payung rakyat' dan ungkapan Arab 'khalifah itu adalah bayangan Allah di muka bumi' (Al-Khalifah zillu Allah fi al-ard) menyerlahkan sikap masyarakat Melayu terhadap sultan dilahirkan atas asas mengagungkan Allah s.w.t. (Abdul Azizi 1999, 44).

Menurutnya lagi, prinsip dan semangat agama yang membelakangi Kesultanan Melayu, mendorong masyarakat Melayu mengubah pegangan mereka kerana mengikuti tindakan sultan. Sesungguhnya, masyarakat Melayu

terhutang budi kepada institusi sultan kerana menyelamatkan mereka daripada budaya animisme. Bahkan, akidah Islam terus dihayati dan menjiwai budaya hidup mereka dan keturunan mereka (Abdul Azizi 1999, 47). Justeru, tindakan rakyat menjejaki amalan sultan menzahirkan hakikat keakraban hubungan antara keduanya khasnya dalam aspek akidah sebagaimana diperakui oleh al-Sadiqi yang menyatakan:

النَّاسُ عَلَى دِينِ مُلُوكِهِمْ

Maksudnya:

Orang ramai (rakyat) menurut agama raja-raja mereka (Al-Sadiqi, t.th., 427).

Seseorang Sultan yang dianggap sebagai khalifah Allah di atas muka bumi, diwajibkan menjaga urusan akidah dalam kalangan rakyatnya (Auni 1991, 32-36; Gilque 2005, 44). Menurut al-Mawardi (t.th., 5) pula, kewajipan mempertahankan akidah ini merupakan penerusan jihad nabi dalam menegakkan agama dan mengurus-tadbir negara berlandaskan kepada prinsip-prinsip agama. Jika diteliti daripada sudut sejarah Malaysia, Esposito et al (1996, 125) mengakui sememangnya sultan mempunyai peranan dalam aspek menghayati akidah Islam dan menjaga hukum-hukum Islam, pendidikan dan nilai-nilai mulia. Meskipun peranan sultan agak terbatas dalam aspek-aspek tadi, namun menurut Islam peranan ini relevan dengan konsep kekhalifahan secara umumnya. Malahan, sebahagian daripada situasi ini amat relevan dikaitkan dengan dua orang sultan yang pernah memerintah negeri Terengganu. Contohnya, ketika Baginda Omar (1839-1876) memerintah, undang-undang Islam dihayati secara berkesan. Hukum syarak pada masa itu didapati berfungsi dalam kehidupan sosial masyarakat (Muhammad Salleh 1983, 115). Muhammad (1991, 135) pula menyatakan, baginda memberi peranan besar kepada seorang ulama iaitu Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus ataupun dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar, dalam pentadbiran negeri. Bahkan, baginda mengurniakan gelaran Syekh al-Ulama dan Tuan Besar Paduka Indera kepada beliau kerana memastikan penghayatan akidah dalam kalangan rakyat jelata di Terengganu terus berlangsung.

Secara realitinya, Muhammad Salleh (1983, 115) menyatakan, perjalanan hukum syariah yang dilaksanakan oleh Baginda Omar merupakan penerusan daripada polisi yang dilaksanakan oleh Sultan Zainal Abidin I (Muhammad Salleh 1983, 115). Sekiranya, Sultan Zainal Abidin I, berusaha memastikan kegiatan jenayah dibanteras menurut syariat Islam, seperti hukuman rejam kepada pesalah zina (Timah 1981, 21), Baginda Omar pula memastikan polisi hukuman memotong tangan pencuri, menggantung pembunuh dan mendenda pesalah mal, terus diimplementasikan (Muhammad Salleh 1983, 115). Bagi memastikan pentadbiran Islam baginda berjalan dengan kemas dan teratur pula, pelbagai jawatan diwujudkan. Antara jawatan-jawatan tersebut adalah jawatan mufti dan kadi. Kedua-dua jawatan ini disandang oleh alim ulama dan baginda merujuk kepada mereka sebelum memutuskan sesuatu hukuman dalam pentadbiran negeri (Anon 1999, 5).

Nasihat dan tunjuk ajar yang diminta oleh seseorang sultan daripada ulama menepati dengan semangat al-Quran. Justeru, apabila seseorang sultan

mendapatkan nasihat daripada ulama terutamanya dalam isu akidah dan agama, menyerlahkan lagi betapa sultan mempunyai kefahaman Islam yang mendalam. Malahan, dengan nasihat dan bimbingan ulama, sultan dapat mengurus negara selaras dengan kehendak akidah Islam. Ini termasuk urusan keduniaan seperti urusan ekonomi, sosial dan politik. Di atas asas inilah Nagata (1994, 85-86) menyatakan, kombinasi sultan dan ulama mampu menjana sistem ekonomi, sosial atau politik negeri berlandaskan kepada prinsip Islam.

Begitu juga, dengan didikan dan nasihat ulama, sultan menjadi seorang pemerintah yang berakhlak mulia dan soleh serta dapat menguasai pelbagai bidang ilmu agama. Fakta ini dijelaskan oleh Allen dengan menyatakan, Sultan Zainal Abidin III menjadi sultan yang pertama menunaikan haji di Mekah. Berkat ulama juga, baginda dapat menguasai ilmu fiqh, tawhid dan tasawwuf dengan baik. Bahkan, baginda berjaya mengasuh putera dan puterinya komited dengan ajaran agama (Allen 1972, 3-18).

Sultan Zainal Abidin III sangat warak dan berilmu kerana sering mendampingi para ulama. Baginda juga komited dengan solat berjemaah dan sultan pertama yang menunaikan fardu haji di Mekah (Muhammad Yusof 1992, 560). Justeru, apabila mubaligh Kristian cuba menyebarkan dakwah Kristian dengan memohon mendirikan sebuah gereja di negeri Terengganu (Abdullah Zakaria bin Ghazali 1976, 17) dan melalui penyebaran Kitab Injil dalam edisi Jawi kepada penduduk Islam di Terengganu, baginda menghalangnya dengan penuh kebijaksanaan sehingga akidah umat Islam terselamat (Allen 1972, 3-18; Muhammad Yusof 1999, 875).

Selain daripada itu, baginda turut mengaplikasikan idea-idea reformasi yang tersebar di Mekah dan Mesir ke dalam pentadbiran baginda seiring dengan arus modenisasi barat. Meskipun arus modenisasi barat mendesak pembaharuan dalam urusan pentadbiran dilakukan tetapi baginda berusaha memastikan keadilan masih berlangsung seimbang dengan semangat dan gelombang reformasi di Timur Tengah. Contohnya, hukuman bunuh ditangguhkan kerana mengikut reformasi yang berlaku di Mesir. Justeru, dalam tempoh 37 tahun berkuasa, cuma lima orang sahaja dijatuhkan hukuman bunuh. Di sini terserlah keadilan dan kebijaksanaan baginda dalam mengimbangi arus modenisasi barat yang sekular dan reformasi di timur tengah yang Islami (Muhammad Yusof 1991, 875). Di samping memastikan pentadbiran baginda kuat bertaut kepada nilai-nilai Islam, hal yang sama ditekankan kepada keluarganya terutamanya kepada putera dan puteri baginda. Misalnya Tengku Nik Maimunah atau lebih dikenali sebagai Tengku Nik Haji, Tengku Muhammad (Raja Darat) dan Tengku Ismail diasuh agar iltizam dengan agama (Timah 1981, 46).

Namun begitu, aspek pentadbiran yang dilatari oleh keindahan akidah Islam tercemar disebabkan campur tangan British dalam urusan pentadbiran negeri seperti dalam urusan cukai tanah. Sedangkan menurut ajaran Islam, cukai tanah hanya dikenakan ke atas tanah yang produktif dan mengeluarkan hasil sahaja. Tanah yang tidak produktif pula tidak dikenakan sebarang cukai. Namun, dasar percukaaian British mengenakan bayaran ke atas semua tanah sama ada yang produktif ataupun tidak. Urusan ini dilihat berbeza sama sekali dengan amalan Islam (Hooker 1983, 7). Campur tangan British dengan cara menyelaraskan bidang agama dengan norma barat, dilihat oleh Azyumardi (2005, 7-8) sebagai cara mensekularkan sesebuah negeri. Di negeri Terengganu langkah

mensekularkan negeri ini dilakukan oleh British melalui dasar kolonialisnya seperti dalam urusan cukai tanah (Abdullah 1978, 22; Muhammad Yusof 1992, 526).

Sebagai menyokong kenyataan di atas, Mohd Hazim (2007, 238-239) menyatakan, walaupun melalui dasar kolonialis ini sultan masih dikekalkan sebagai penaung agama dan adat Melayu tetapi kuasa mentadbir negeri berada dalam tangan British termasuk mengurus hal ehwal agama. Dengan campur tangan Inggeris dalam hal ehwal agama, bererti Inggeris berjaya meletakkan agama di satu penjuru. Sekaligus, hal ehwal agama disempitkan fungsinya jika dibandingkan dengan pengaruhnya sebelum ini. Penyempitan fungsi ini telah menghakis pengaruh akidah dalam pentadbiran dan rakyat. Hal inilah yang ingin dipastikan oleh imperialis agar agama diasingkan daripada negara sejajar dengan fahaman sekularisme (Hooker 1983, 14).

Dalam hal ini, Sultan Zainal Abidin III menyedari imperialis Inggeris akan sampai ke Terengganu. Baginda pasti, penghayatan akidah Islam akan terganggu di negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah membentengi kemaraan imperialis dan mempertahankan kesucian akidah Islam, baginda mengisytiharkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu pada tahun 1911. Walaupun Perlembagaan ini menyokong pembaharuan pentadbiran dan pengukuhan kedaulatan negeri tetapi Islam tetap menjadi asas pemerintahan negeri Terengganu (Leong 2005, 261). Pengisytiharan ini adalah langkah politik yang paling strategik untuk memastikan akidah Islam terus dihayati di dalam negeri Terengganu (Abdullah 1976, 17).

Namun begitu kemaraan imperialis sukar dibendung. Justeru, pada era imperialis, segala urusan yang dikaitkan dengan Islam dilakukan secara birokratik. Contohnya, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) ditubuhkan dan dijadikan sebagai platform rasmi untuk urusan keagamaan. Jabatan ini berada di bawah kuasa sultan sepenuhnya (Ahmad Ibrahim 1983, 58-59). Salah satu peranan JHEAT ialah untuk menyekat penyelewengan akidah. Sebagai usaha ke arah itu JHEAT mengeluarkan satu risalah yang dimuatkan di dalamnya beberapa ajaran yang menyeleweng seperti ajaran mengenai kewujudan Allah daripada rekahan objek. Buku yang ditulis oleh Mahmud Salim (1976) ini, diagihkan kepada masyarakat Islam secara percuma. Ini membuktikan sultan melalui bidang kuasanya di jabatan agama, amat prihatin dalam memastikan penghayatan akidah yang benar terus berlangsung dalam kalangan rakyat baginda.

Dari sini, dapat difahami bahawa Sultan-sultan Terengganu sememangnya berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan kesucian akidah Islam. Dalam mempertahankan kesucian akidah Islam, sultan terpaksa berdepan dengan manipulasi imperialis Inggeris yang kelihatan lebih kuat, angkuh dan berstrategi. Keangkuhan imperialis itu ditonjolkan melalui pencapaian barat dalam pelbagai bidang (Awang Azman 2008, 156). Serentak dengan itu, Inggeris juga menggunakan strategi mengaibkan peribadi sultan seperti menyatakan Sultan Terengganu suka berfoya-foya, tidak cekap dalam urusan penjara dan kewangan (Allen 1972, 12). Menurut Ibrahim (1981, 49) pula, keangkuhan dan kelicikan Inggeris terserlah apabila berjaya memaksa Sultan Ismail Nasiruddin Syah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin III menandatangani surat persetujuan penubuhan Malayan Union yang meragut kuasa Kesultanan Melayu Terengganu. Pada 21 Disember 1945,

Inggeris berjaya mendapatkan tandatangan sultan dengan disaksikan oleh dua orang pembesar negeri iaitu D. Daud dan T. Hitam tanpa kerelaan baginda.

Meskipun Inggeris berjaya mendapatkan restu sultan, namun restu itu diberikan secara paksa. Elemen paksaan ini melanggar prinsip demokrasi barat yang lebih menekankan aspek-aspek kebebasan, perundingan dan persetujuan bersama (Ahmad Iman et.al 2007, 25-26). Malah, bagi Ramlah (1978, 14), elemen paksaan merupakan pencabulan ke atas prinsip moral dan perundangan yang diagung-agungkan oleh barat. Sementelahan pula peristiwa ini dilakukan pada masa tentera memerintah negara. Maka nasihat daripada Majlis Mesyuarat Negeri kepada sultan untuk menerima perundingan itu, semacam sengaja dinafikan. Bahkan Ramlah (1978, 14) menegaskan, jika peristiwa ini disaksikan oleh ahli Majlis Mesyuarat Negeri sekalipun, rakyat negeri Terengganu belum tentu merestunya kerana persetujuan yang dicapai adalah secara berat sebelah.

Persetujuan ini bertentangan dengan deklarasi Perlembagaan Terengganu mengikut 'Fasal Tegahan Di Atas Raja' yang menyebutkan : 'Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali raja membuat atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau sebahagiannya daripada kuasa kerajaannya atau haknya itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa Eropah atau lainnya. Maka jikalau raja cuba lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah dia memecahkan amanah yang ditetapkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang sedemikian. Maka tatkala itu tiada diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia, haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaan dan diangkat gantinya' (Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911, 1931, 10). Lebih penting daripada itu, deklarasi bertulis ini merupakan langkah menolak campur tangan kuasa barat yang ingin menyelewengkan kesucian akidah Islam khasnya dalam urusan pentadbiran negeri (Leong 2005, 261).

Sebagai penegasan kepada perbincangan di atas, Sultan-sultan Terengganu amat prihatin tentang penghayatan akidah sama ada secara peribadi mahupun dalam pemerintahannya. Secara personal, baginda mengamalkan ritual Islam seperti menunaikan ibadat solat, haji dan menuntut ilmu agama. Dalam urusan pemerintahan pula, mereka memastikan hukuman Allah dilaksanakan. Sesungguhnya, Prasasti Terengganu yang merakamkan hukuman yang selaras dengan hukum Allah merupakan bukti kuasa sultan ditundukkan selaras dengan akidah Islam. Malahan, hukuman syarak itu terus diimplementasikan oleh beberapa orang Sultan Terengganu meskipun dalam abad moden. Apabila imperialis Inggeris campur tangan, corak pentadbiran negeri Terengganu diubah menurut dasar kolonialis. Walaupun, sultan diletakkan sebagai pengawal agama dan adat istiadat Melayu sahaja tetapi baginda tetap memastikan kesucian akidah Islam dipertahankan. Sungguhpun, aspek-aspek hukum syarak dinafikan daripada urusan negeri, penafian itu dilakukan bukan atas kerelaan baginda sehingga hukum-hukum syariat berjalan menurut sistem barat yang sekular. Meskipun, ajaran Islam diasingkan daripada pentadbiran negeri Terengganu, penghayatan akidah dalam kalangan masyarakat Islam masih utuh. Justeru, keutuhan pegangan akidah ini adalah hasil daripada kuasa yang ada pada sultan untuk memastikan rakyat baginda terus berpegang kepada akidah Islam yang suci. Di samping itu, peranan dan sumbangan ulama Terengganu, menjadi pemangkin utama ke arah penghayatan akidah Islam terus berlangsung di negeri Terengganu. Hal ini, akan dijelaskan dalam perbincangan seterusnya.

Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Ulama

Interaksi antara Sultan-sultan Terengganu dengan para ulama menghasilkan penghayatan akidah Islam yang baik. Ini terbukti melalui pemberian pangkat dan jawatan serta pelantikan mereka sebagai guru, mufti dan penasihat kepada Sultan-sultan Terengganu. Keakraban hubungan ulama dengan penguasa atau sultan, dimanifestasikan melalui pengurniaan pelbagai pangkat dan jawatan kepada mereka. Dalam kalangan mereka ada yang dilantik sebagai syeikhul ulama, pegawai dan guru agama istana, mubaligh dan pembesar negara. Sekaligus, situasi ini memanifestasikan interaksi umara dan ulama yang baik khususnya dalam urusan-urusan pentadbiran dan kehakiman (Ishak 2005, 70; Hasnan et.al. 2007, 148). Di samping itu, Faudzinaim (2007, 148) menyatakan, apabila sultan mengurniakan pelbagai kedudukan kepada ulama menyebabkan masyarakat memandang mulia dan meyakini kewibawaan mereka. Dengan keyakinan ini, para ulama dapat menyampaikan dakwah dan risalah Islam kepada masyarakat dengan mudah

Ulama dari Kelantan terbukti sebagai ulama yang aktif menjalankan misi dakwahnya di pantai timur (Abdul Halim 1998, 7). Meskipun begitu, kenyataan itu bukan menafikan bahawa negeri Terengganu tidak memiliki ulama yang berkaliber dan aktif dalam berdakwah sebagaimana di negeri-negeri yang lain (Samsu Adabi Mamat 2007, 211-215). Malah, Mohammad (1980, 36) mengakui ulama Terengganu setanding kehebatannya dalam menguasai pelbagai bidang ilmu. Ini termasuklah ilmu fiqh, nahu, hadis, tafsir, tawhid dan tasawuf. Kehebatan mereka juga terserlah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Sumbangan para ulama dalam pelbagai cabang ilmu sentiasa mendapat sanjungan. Malahan, bagi ulama yang mempunyai hubungan yang erat dengan pihak istana, sumbangan mereka dalam bidang politik seperti ini dinanti-nantikan dan mereka dianggap semacam adiratna ataupun permata di sisi sultan. Hal ini boleh dilihat, apabila mereka diberi peluang untuk membuat pelbagai percaturan dalam politik negeri. Sudah pasti, kepercayaan seperti ini diberikan lantaran kemapanan ilmu, sahsiah, akhlak, budi, kerohanian dan seni kepimpinan mereka. Berteraskan keupayaan ini, ulama sering dikedepankan dalam arus perjalanan politik negeri (Auni 1989, 113; Hussin 1997, 34) khususnya di negeri Terengganu (Abdul Ghani 1997, 28). Sekaligus, kepercayaan untuk menyumbang tenaga dan fikiran dalam urusan pentadbiran negeri merupakan penghormatan yang sangat tinggi terhadap ulama.

Bertepatan dengan itu juga, Sultan Zainal Abidin III tanpa prejudis, melantik Sayid Abdul Rahman al-Idrus (1817-1911) ataupun Tok Ku Paloh sebagai penasihat baginda dan diberi gelaran Syeikhul Ulama. Selain Tok Ku Paloh, terdapat beberapa orang ulama lagi yang dilantik sebagai Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Sultan. Dengan kedudukan ini, mereka telah dapat mempengaruhi sikap, pendirian dan pandangan sultan dalam hal-hal akidah, pentadbiran dan urusan-urusan duniawi (Mohamad 1980, 41-42). Pengaruh ulama dalam menyampaikan ilmu, nasihat dan ajaran Islam bukan setakat terhenti kepada sultan sahaja, bahkan sultan turut memastikan putera dan puterinya diasuh dengan didikan agama. Sebagai contohnya, hasil tunjuk ajar daripada Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (1868-1929) atau lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong, Tengku Nik Maimunah atau lebih dikenali sebagai

Tengku Nik Haji, terkenal sebagai seorang yang alim, warak dan dermawan (Timah Hamzah 1981, 46). Rosli Ibrahim (1988, 43) menjelaskan, lebih penting lagi ialah negeri Terengganu dipastikan sentiasa dipayungi hidayah Ilahi dan tunduk kepada akidah dan syariat Islam. Untuk itu, perlembagaan negeri yang berteraskan Islam dan menonjolkan hukum syariat selaras dengan al-Quran dan hadis, diserahkan kepada mereka untuk menguruskannya. Malah, mereka tegas dalam menegakkan hukum-hukum itu seperti melaksanakan hukuman potong tangan kepada pesalah yang mencuri walaupun sering diperkecil oleh kolonial British.

Selain itu, ulama-ulama Terengganu juga terkenal tegas dalam memerangi amalan khurafat. Walaupun, tiada bukti yang menunjukkan terdapatnya pengikut aliran yang menyeleweng seperti *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, dan *Murji'ah* bertapak dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu, namun ulama-ulama di Terengganu amat konsisten menyedarkan masyarakat agar teguh dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang menjadi pegangan arus perdana masyarakat Islam di Terengganu (Abdul Aziz 2008, 25). Situasi ini melonjakkan status para ulama pada persepsi sultan dan masyarakat awam kerana berjaya mengekang pemesongan akidah dalam kalangan masyarakat. Bukan setakat itu, mereka bertanggungjawab mengeluarkan fatwa bagi menyelesaikan sebarang permasalahan agama agar umat berada di atas landasan yang benar, di samping memberi nasihat kepada para sultan untuk menjalankan urusan pemerintahan yang relevan dengan ajaran Islam. Dengan itu, kestabilan sosial dapat diwujudkan dan perintah Allah dapat dijunjung dalam suasana yang aman (Maznah et.al 1988, 146).

Walau bagaimanapun, dalam senario kini, Mohd. Nakhaie (2001, 53-60) melihat peranan ulama sebagai pencetus inspirasi dan pembentuk masyarakat Muslim yang ideal masih malap kerana mereka hanya memainkan peranan pinggiran sahaja. Menurut beliau, idea-idea ulama kurang terserlah dalam menampilkan sesuatu yang baru bagi membangun negara sebagai pemain utama. Skop penguasaan ulama hanya tertumpu dalam aspek keagamaan sahaja dan berperanan secara minimum dalam aspek-aspek yang lain seperti pembangunan, kebudayaan dan pembasmian kemiskinan. Namun begitu, Taufik (1995, 1223) mengatakan kewibawaan moral ulama sebagai penjaga ummah amat terserlah. Oleh sebab itulah, keprihatinan mereka dalam aspek-aspek manusiawi perlu dipelihara kerana apabila keprihatinan ini diketepikan, mereka boleh mencetuskan kegelisahan sosial. Malah, cetusan yang lebih kritikal dapat dilakukan oleh ulama, sekiranya nilai agama dan akidah dirempuh secara semberono.

Variasi ilmu dan penghayatan akidah Islam yang diserlahkan oleh ulama-ulama Terengganu, menarik banyak pihak menghormati mereka. Malahan dengan ketokohan dan keilmuan, mereka menjadi adiratna sultan. Lantaran itu, sultan meletakkan mereka pada posisi-posisi yang kritikal tanpa prejudis. Dengan kedudukan itu, mereka dapat menonjolkan ajaran Islam dalam medan politik, ekonomi mahupun sosial. Lebih penting lagi, wibawa ulama Terengganu berjaya mencorakkan pemerintahan negeri dengan hidayah Ilahi. Dengan itu, pentadbiran negeri Terengganu berjalan sejajar dengan ajaran Islam yang menjunjung perintah Ilahi dan menghindari anasir-anasir sesat. Keprihatinan ulama diserlahkan lagi dengan usaha mendidik masyarakat agar terpujuk dengan ajaran dan akidah Islam yang murni. Justeru, wujud kestabilan sosial dan perintah

Allah dapat dipraktikkan sehingga terbentuklah sebuah masyarakat Muslim yang ideal sama ada dalam aspek akidah ataupun pemikiran (Mahyuddin 2003, 93).

Penghayatan Akidah dalam Kalangan Masyarakat

Menurut Clifford, pertukaran dan penghayatan akidah Islam dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu mengundang cemburu pemerhati barat (Clifford 1992, 99). Menurut Wan Hussein Azmi, secara amnya sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu mempercayai khurafat tetapi apabila berlaku perubahan pegangan, mereka memilih Islam sebagai anutan berbanding dengan ajaran-ajaran yang lain. Oleh kerana perubahan pegangan ini berlaku tanpa paksaan, hal ini mengundang cemburu kepada aktivis agama yang lain (Wan Hussein et.al 1985, 14). Tambah dicemburui, apabila berlaku pertembungan nilai agama dengan norma masyarakat Melayu, adaptasi dilakukan agar selaras dengan suasana dan persekitaran hidup mereka. Pada hal kefahaman mereka tentang Islam bukanlah mendalam (Ishak 2005, 69-70).

Hakikatnya, proses adaptasi yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Terengganu mempunyai pertalian rapat dengan didikan para ulama. Sebenarnya mereka menerima asuhan dan tarbiah daripada ulama melalui pengajian di pondok-pondok, madrasah, surau dan masjid. Penimbaan ilmu melalui institusi tradisi yang lebih menekankan aspek-aspek akidah dan tasawuf, berjaya meningkatkan pemikiran dan kesedaran keislaman dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu (Ishak 2005, 71). Tumpuan masyarakat Melayu Terengganu kepada dakwah yang disampaikan oleh para ulama dan kejayaan ulama mengubah minda dan pegangan masyarakat Melayu, menarik perhatian pihak istana. Sultan yang memiliki kuasa turut memberi sokongan dan kemudahan kepada ulama untuk menjayakan misi dakwah mereka kepada masyarakat awam. Sokongan ini membawa kepada tertubuhnya beberapa buah pondok dan madrasah di Terengganu. Antaranya ialah Pondok Pulau Manis, Pondok Bukit Bayas dan Pondok Pulau Duyung (Ishak 2005, 72; Muhammad 1991, 11).

Selain daripada pondok, surau dan masjid juga menjadi medan penyebaran ilmu. Biasanya, ulama-ulama ini akan hadir ke masjid atau surau berkenaan pada hari-hari tertentu untuk memberi kuliah. Orang ramai akan mengunjungi masjid atau surau berkenaan bagi menimba ilmu yang disampaikan oleh ulama tadi. Antara surau yang pernah menjadi pusat pengajian seperti ini ialah Surau Sayid Sagar yang terletak di bandar Kuala Terengganu. Menurut Timah Hamzah, di sinilah tempat Haji Abdul Rahman Limbong menyampaikan kuliahnya kepada masyarakat awam (Timah Hamzah 1981, 43).

Sehubungan dengan itu, kewujudan institusi masjid dan surau dalam sesebuah kampung dapat memperkukuhkan orientasi keislaman. Ini disebabkan dakwah dan ajaran Islam dapat disalurkan dalam bentuk yang lebih sistematik. Menurut Shafei (1985, 209) sistem pengajian yang terbuka dan keikhlasan golongan ulama untuk mengembangkan ajaran dan akidah Islam melalui institusi-institusi tersebut, memberi peluang yang sama rata kepada seluruh lapisan masyarakat awam di Terengganu, untuk mempelajari dan menghayati kesucian ajaran dan akidah Islam. Oleh itu, penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat di Terengganu membangkitkan semangat anti kolonialis. Malah segelintir masyarakat terbabit dalam konfrontasi menentang kerajaan dan

hegemoni penjajah hasil bimbingan ulama. Antara ulama yang sering dikaitkan menentang dominasi imperialis barat di negeri ini ialah Sayid Abdul Rahman dan Haji Abdul Rahman Limbong (Shafei 1985, 209). Kalau diteliti kepada peristiwa Pemberontakan Tani 1928 di Hulu Terengganu, kerajaan menggelar masyarakat Melayu-Muslim yang memberontak sebagai 'penderhaka'. Dalam hal ini Shaharil (1984, 143-162) menegaskan kumpulan masyarakat petani yang dipimpin oleh Haji Abdul Rahman Limbong menganggapkan konfrontasi ini secara konotasinya relevan dengan akidah Islam iaitu termasuk dalam aspek jihad kerana menentang penjajah yang kafir. Walaupun dianggap sebagai penderhaka, akidah Islam memberi keyakinan kepada mereka, jika terkorban kerana menentang imperialis barat yang kafir, kematian itu dianggap sebagai syahid. Situasi ini membuktikan bahawa masyarakat Islam Terengganu amat kuat menghayati akidah Islam dalam kehidupan mereka.

Mohammad (1980, 36) menyatakan, untuk meneguhkan lagi amalan keislaman dan akidah, mereka selalunya mencari ulama sebagai pembimbing. Melalui bimbingan ulama, ilmu dan kefahaman Islam mereka akan meningkat. Seajar dengan itu, penghayatan mereka terhadap akidah akan bertambah utuh. Sebab itulah, ramai dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu menyanjung ulama sebagai wali Allah (Abdul Ghani 1997, 46-47). Malah sebahagian daripada mereka sanggup pula berkhidmat secara sukarela bagi membantu urusan harian ulama berkenaan (Timah 1981, 38-42).

Bukan setakat itu sahaja, Sultan Zainal Abidin III yang terkenal sebagai alim dan suka beramal dengan amalan-amalan Islam, turut mempengaruhi corak penghayatan akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu. Sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Ghani Said, pada masa baginda memerintah negeri Terengganu, payah untuk ditemui dalam masyarakat awam seorang yang sudah sampai umur baligh tetapi masih belum khatam al-Qur'an. Hal ini turut menjadi faktor yang memajukan pegangan dan penghayatan akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu (Timah 1981, 47). Maka, menamakan negeri ini sebagai 'Darul Iman' berlandaskan kepada kekuatan akidah dan pemikiran Islam dalam kalangan masyarakat Islam, amatlah wajar (Abdul Ghani 1997, 47). Di sini terbukti penghayatan akidah dalam kalangan masyarakat awam di Terengganu amat terserlah.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa masyarakat Islam di Terengganu sama ada terdiri daripada sultan (umara'), ulama ataupun rakyat jelata, pernah dicatatkan sebagai menghayati akidah Islam secara syumul. Ini ternyata melalui urusan-urusan rasmi pemerintah dan rakyat sentiasa dipastikan berjalan selaras dengan kehendak syariat dan akidah Islam, diikuti pula dengan ulama-ulama yang memainkan peranan mereka secara gigih untuk memajukan ummah sama ada dalam aspek akidah, syariat, politik, ekonomi atau sosial. Kesenambungan peranan antara umara' dan ulama dilihat berjaya dalam memajukan penghayatan akidah masyarakat Islam di Terengganu sehingga negeri ini dikenali sebagai 'Darul Iman' iaitu 'Negeri Beriman'. Walau bagaimanapun, campur tangan Inggeris di negeri Terengganu, urusan pentadbiran negeri mulai disesuaikan dengan arus modenisasi barat. Meskipun, urusan pentadbiran dimodenkan, namun

penghayatan akidah Islam di semua peringkat mulai diasingkan. Oleh kerana itu, urusan-urusan ekonomi, sosial dan politik dilihat terpisah daripada akidah Islam. Justeru, pemisahan yang berlaku ini bukanlah disebabkan kelemahan umara', ulama atau masyarakat Islam, sebaliknya semua itu dilakukan secara paksa. Sekalipun begitu, usaha-usaha untuk memastikan penghayatan akidah di Terengganu, perlulah diteruskan dengan penuh hikmat dan bijaksana. Usaha-usaha ini bukan sahaja terpikul di atas bahu-bahu ulama, bahkan masyarakat Islam secara keseluruhannya wajar memainkan peranan di tempat masing-masing dengan penuh iltizam dan amanah. Hal ini amat penting diusahakan kerana penghayatan akidah Islam bukan setakat mewujudkan interaksi antara hamba dan *Khaliq*nya sahaja, bahkan hubungan manusia sesama manusia mesti ditegakkan di atas asas akidah Islam juga.

Rujukan

- Abdul Aziz Bari, 1999, *Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-raja*, Dlm. Ahmad Ibrahim, (pnyt.), *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Aziz Itar, 2008, Tokku Paloh memerangi jenayah aqidah di Terengganu, *Utusan Malaysia*, 31 Mac 2008.
- Abdul Ghani Said, 1997, *7 Wali Melayu*, Cetak ulang, Selangor: At Turabi Services.
- Abdul Halim Ahmad, 1998, *Pendidikan Islam di Kelantan*, Dlm. Khoo Kay Kim, *Warisan Kelantan I*, Cetak ulang, Kuala Lumpur: United Selangor Sdn. Bhd.
- Abdullah Ayob, 1978, *Cara Pemerintahan Tanah Melayu (1957-1963)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1976, Haji Ngah Mohamed Yusof – Datuk Seri Amar Di Raja Terengganu, *Jurnal Sejarah 1975/76*. (XIV): 11-23.
- _____, 1996, *Terengganu Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahmad Iman Arief, 2007, *Ke Arah Kepimpinan Islam*, Kuala Lumpur: Sabunai Media Sdn. Bhd.
- Ahmad, `Isa `Asyur, t.th., *Al-Fiqh al-Muyassar Fi al-`Ibadat wa al-Mu`amalat*, Kaherah: Maktabah al-Qur`an,
- Abul A`ala al-Maududi, t.th., *Hidup Islam*, Terj. Baharduddin Hj. Abd. Latif, Perak: Pustaka Abrar.
- Ahmad Ibrahim, 1983, *Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, Dlm. Tun Mohamed Suffian, Lee, H.P. & Trindade, F.A., *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya: 1957-1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Allen, J. de V, 1972, Sultan Zainal Abidin III Yang Dipertuan Negeri Terengganu dan Segala Jajahan Takluknya, Dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No.7, Disember 1972, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ali Taib & Ismail Abdul Halim, 1986, *Ulama Malaysia: Masalah, Cabaran dan Masa Hadapan*, Dlm. Mahayudin Haji Yahaya, *Islam dan Pembangunan Negara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Auni Abdullah, 1991, *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- `Aun, Faysal Badir, 1982, *Ilm al-Kalam Wa Madarisuh*, `Ayn Syams: Maktabah al-Hurriyyah al-Hadithah.
- Awang Azman Awang Pawi, 2008, Prasangka Orientalis Terhadap Bangsa Melayu, *Pemikir*, April -Jun 2008: 153-169.

- Azra Azyumardi, 2005, Islamic Thought In Southeast Asian Islam, Dlm. K. S. Nathan & Mohammad Hashim Kamali, *Islam In Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21st Century*, Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies.
- Clarke, Peter, 1990, *The World's Religious Islam*, London: Routledge.
- Clifford, Hugh, 1992, An Expedition to Terengganu & Kelantan 1895, *JMBRAS*, 34(1)1961: 1-62.
- Dawud `Abdullah al-Fattani, 2008, *Munyah al-Musalli*, ulang cetak, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Esposito, John L. & Voll, John O., 1996, *Islam and Democracy*, New York: Oxford University Press.
- Fatimi, S.Q., 1963, *Islam Comes To Malaysia*, Singapore: Sociology Research Institute.
- Faudzinaim Badaruddin, 2007, Siasat Agama dan Peranan Pemerintah dalam Menegakkan Syariat Islam di Tanah Melayu, Dlm. Farid Mat Zain, *Islam Di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Fong, Leong Yee, 2005, Zaman Penjajahan dan Munculnya Susunan Politik Baharu di Tanah Melayu, Dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (pnyt.), *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Futuh, Abu al-Ma`ati Abu, 1986, *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*, Terj. Osman Hj. Khalid, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Gilque, Michel, 2005, *The Muslims of Thailand*, Terj. Michael Smithies, Bangkok: U.S. Printing House.
- Hasnan Kasan & Mohamad Taha, 2007, Siasah Agama dan Peranan Pemerintah dalam Menegakkan Syariaah di Tanah Melayu Abad Ke-19, Dlm. Farid Mat Zain (pnyt.), *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Hooker, M.B., 1977, "The Trengganu Inscription", *Journal Malaysia Legal History In Malaysian Branch Royal Asiatic Society A Centenary*, j.1877.
- _____, 1983, "The Translation of Islam Into South-East Asia", dalam M.B. Hooker, *Islam In South-East Asia*. Leiden: E.J. Brill.
- Hussin Mutalib, 1997, Islamic Malay Polity in Southeast Asia, Dlm. Mohd. Taib Osman (pnyt.), *Islamic Civilization In The Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram Abi al-Fadl Jamal al-Din, t.th., *Lisan zl-`Arab*, jil. 7, Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim Mahmood, 1981, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Ishak Saat, 2005, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

MOHD. SAFRI ALI
Jabatan Usuluddin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: msafri@udm.edu.my

MOHD. FAUZI HAMAT, Ph.D
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Emel: mfhamat@um.edu.my